

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PEPERIKSAAN SEMESTER TAMBAHAN
SIDANG 1986/87

LKM 300 - Bahasa Malaysia III

Tarikh: 23 Jun 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.

(3 jam)

Baca dan fahamkan arahan yang diberikan sebelum menjawab soalan.

ARAHAN: Jawab empat soalan, iaitu satu soalan daripada Bahagian A dan semua soalan Bahagian B, C dan D.

Mulakan jawapan bagi setiap bahagian di muka surat yang baru.

- BAHAGIAN A : Karangan
BAHAGIAN B : Ringkasan Karangan
BAHAGIAN C : Kefahaman
BAHAGIAN D : Tatabahasa

...2/-

Angka Giliran:.....

No. Tempat Duduk:.....

BAHAGIAN A: KARANGAN

(30 markah)

Pilih satu daripada tajuk di bawah ini dan tuliskan sebuah karangan yang panjangnya di antara 400 - 450 patah perkataan.

PERINGATAN:

Markah akan dipotong sekiranya terdapat:

- a. kesalahan ejaan, penggunaan kata dan imbuhan.
- b. kesalahan struktur frasa dan ayat.
- c. karangan yang kurang daripada 400 patah perkataan atau lebih daripada 450 patah perkataan dan /atau
- d. tulisan yang sukar dibaca.

...3 /-

Angka Giliran:.....

No. Tempat Duduk:.....

1. Perusahaan seni kerajinan tangan (kraftangan) patut dipertingkatkan lagi. Berikan pendapat anda.
2. Penglibatan kaum wanita di dalam berbagai-bagai pekerjaan merupakan faktor utama meningkatnya pengangguran di kalangan kaum lelaki di negara ini. Bincangkan.
3. Persatuan Bahasa Malaysia Universiti Sains Malaysia akan menganjurkan satu pertandingan perbahasan. Anda terpilih sebagai ketua pihak pencadang menyokong tajuk:

"Ibu bapa dan keluarga lebih penting untuk seseorang mencapai kejayaan di dalam pelajaran."

Sediakan hujah-hujah untuk menyokong dan mempertahankan tajuk di atas.

4. Ketika anda dan rakan-rakan anda sedang berjalan-jalan di salah sebuah pusat membeli-belah di bandar, tiba-tiba anda ternampak seorang lelaki meragut beg tangan seorang wanita yang berjalan di hadapan anda. Wanita itu terkejut lalu menjerit meminta tolong. Ceritakan keadaan yang berlaku seterusnya.

...4 /-

Angka Giliran:.....

No. Tempat Duduk:.....

BAHAGIAN B: RINGKASAN KARANGAN

(20 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti dan ringkaskan menjadi tidak lebih daripada 100 patah perkataan. Gunakan perkataan anda sendiri dengan memelihara susunan dan maksud asalnya.

GERAKAN menanam konsep "Kepemimpinan Melalui Teladan" yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bukanlah sebenarnya dimaksudkan khusus untuk kakitangan perkhidmatan awam sahaja. Etika menjalankan tugas dengan bersih, cekap dan amanah serta dengan penuh minat, disiplin dan dedikasi juga harus diamalkan oleh setiap orang yang bertanggungjawab di dalam bidang swasta, oleh rakyat yang mempunyai peranan serta tugas masing-masing kepada masyarakatnya. Tetapi, kerana perkhidmatan awam ialah alat kerajaan melaksanakan dasar dan mentadbirkan negara, wajar konsep itu diamalkan terlebih dahulu di dalam bidang perkhidmatan awam.

Tidaklah syak lagi kesannya besar kepada kehidupan rakyat negara ini seandainya konsep ini menjadi pegangan dan nilai setiap orang yang berkhidmat di dalam kerajaan dan di dalam urusan mereka sehari-hari mentadbirkan negara. Falsafah dan nilai-nilai kerajaan dan kepemimpinan negara hanya dapat disampaikan dan diperkembangkan di kalangan masyarakat melalui pegawai-pegawai dan anggota-anggota kerajaan. Merekalah yang banyak sekali berurusan dengan rakyat daripada setiap peringkat dan golongan. Gerak laku mereka mencerminkan imej kerajaan pada mata rakyat.

Jentera kerajaan akan bergerak lancar dan kemas sekiranya setiap pegawai dan kakitangan yang bertanggungjawab mengendalikan jentera itu berpegang kukuh kepada etika kepemimpinan mereka. Manfaatnya kepada rakyat akan dirasakan dengan seluas-luasnya di dalam masyarakat. Yang demikian kempen "Kepemimpinan Melalui Teladan" ini adalah kempen yang rakyat juga mempunyai kepentingan kerana kejayaan kempen itu bererti kesejahteraan dan kesejahteraan hidup rakyat pada masa hadapan. Etika "Bersih, Cekap dan Amanah" harus diamalkan juga oleh rakyat di dalam urusan mereka dengan pegawai-pegawai dan pentadbir kerajaan.

Tepuk sebelah tangan tidak akan menjadi, kata pepatah. Kalau rakyat bertekad untuk "bersih" di dalam setiap urusannya dengan pegawai-pegawai kerajaan, "bersihlah" urusan mereka. Tetapi, tanggungjawab untuk bersikap "bersih, cekap dan amanah" terletak kepada pentadbir. Kalau guru kencing berdiri, anak murid kencing berlari, kata peribahasa kita. Pentadbir,

...5/-

Angka Giliran:.....

No. Tempat Duduk:.....

terutama di kampung ialah pemimpin pada mata rakyat. Penduduk di desa memandang pegawai kerajaan sebagai pemimpin, guru dan penasihat. Yang menjadi teladan ialah "pentadbir", untuk menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat supaya rakyat dapat dididik dan diasuh di samping mengamalkan juga etika dan nilai-nilai kerja pentadbir. Kita tidak mengharapkan gerakan ini akan membawa perubahan kepada etika kerja pegawai-pegawai dan kakitangan di dalam masa yang singkat. Tetapi kita yakin kempen ini akan meninggalkan kesan yang baik di kalangan rakyat sekiranya ia diteruskan dengan bersungguh-sungguh dan jujur.

(Diubahsuaikan daripada
Berita Harian, 19 Mac 1983.)

...6/-

Angka Giliran:.....

No. Tempat Duduk:.....

BAHAGIAN C: KEFAHAMAN

(30 markah)

I. CERPEN (25 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang mengikutinya.

Kak Pesah tak patut marah kerana kami tidak berada di sisi Abang Mat ketika dia menghembuskan nafasnya yang akhir. Aku tidak tahu saat Abang Mat nazak. Jangan salahkan Mun, Zali dan Husin. Mereka juga tidak tahu saat Abang Mat nazak. Sebab sakit Abang Mat sudah lama. Kami tidak boleh sentiasa di samping Abang Mat kerana masing-masing punya urusan dan pekerjaan. Tidak seperti Kak Pesah yang tidak bekerja dan anak-anak pun sudah besar.

Bagaimanapun kami selalu ziarah Abang Mat. Kami selalu melawatnya waktu sakitnya. Malah kami sudah beberapa kali bersalaman dan bermaafan dengannya waktu sakitnya. Hati kami sudah bersih dan tidak ada apa yang terkilan meskipun kami tidak mengadapnya waktu dia menghembuskan nafas yang akhir. Kami juga tidak terkilan apabila tiba-tiba Abang Mat sudah dikebumikan. Syukur Alhamdulillah! Segalanya sudah selamat. Kami tidak bebal, Kak Pesah.

Tetapi apabila tiba saja di rumah Abang Mat, Kak Pesah terus marah-marah dan mengungkit-ungkit peristiwa lama membuat kami rasa kesal terhadap Kak Pesah. Kalau Kak Pesah hendak marahkan kami, masih boleh juga kami terima sekiranya Kak Pesah bercakap dengan kami saja, tidak didengar oleh orang luar. Tetapi malam itu Kak Pesah seperti sengaja hendak menjatuhkan air muka kami di depan pekerja-pekerja Abang Mat dan orang lain yang kami tidak kenal.

Untuk apa Kak Pesah lakukan itu? Mengapa Kak Pesah tidak boleh mengawal perasaan apabila menghadapi keadaan begini? Nasib baiklah tidak terkeluar sepatah perkataan baik daripada aku maupun Mun malam itu. Kalau tidak aku rasa memang perang besar terjadi. Yang tidak eloknya kerana selepas Abang Mat dikebumikan. Seolah-olah rumah itu sudah tidak berpenghuni apabila Abang Mat tak ada lagi.

Kak Pesah hendak mencurahkan perasaannya. Biarkanlah, fikirku. Walaupun kata-katanya pedih telinga mendengar, sakit hati merasakan, tetapi apa boleh buat. Yang tua itu patut dihormati. Orang tua ibarat Quran buruk.

Rupanya Kak Pesah masih belum puas melepaskan perasaannya malam itu. Hingga terbawa-bawa ke hari esoknya. Esok paginya ketika menyediakan sarapan pagi, aku, Mun, Kak Pesah dan seorang anak buah Kak Nor berada di dapur.

Masa itulah perang dingin berlaku. Mulanya kami berbual seperti biasa saja. Tidak ada nada kemesraan dan keramahan. Aku tahu sangat perangai Kak Pesah. Dia suka menyindir dan melepaskan cakap seolah-olah orang lain tidak punya perasaan. Entah macam mana kali ini rupanya kesabaran aku dan Mun sudah tidak terkawal lagi.

"Ah ...! Kalian memang suka cari alasan," katanya dengan mencebik muka.
"Kalian memang tak beratkan saudara. Tak beratkan adik-beradik. Yalah, kakak ni dah tak ada adik-beradik lagi," katanya penuh emosi.

"Kak yang membuang saudara. Kak yang rasa dah tak ada adik-beradik. Kami tak kisah. Kalau dah kak rasa kami bukan adik-adik kak lagi, kami tak kisah.

...7/-

Angka Giliran:.....

No. Tempat Duduk:.....

Semalam sengaja kak hendak menjatuhkan maruah kami di depan orang," Mun melepaskan geram.

"Oh ... tahu marah ya? Mengapa tak jawab semalam?" celah Kak Pesah.

"Kami bukannya macam kak. Nak bergaduh depan orang. Biar orang dengar cerita kita adik-beradik. Kami malu kak," aku mencelah kerana kurasa Kak Pesah sudah mencabar.

"Kalau kalian beratkan adik-beradik, mengapa tinggalkan Amat tengah nazak? Dengan Bib kak tak marah sangat, sebab Bib tak tahu. Tapi Mun, Zali, Husin kan dah datang semalam? Kak kata jangan balik, tunggu! Tapi pagi semalam balik juga. Dua setengah petang Amat dah habis." Marah Kak Pesah.

"Kami kerja kak. Kami tak boleh ponteng tak tentu pasal. Macam kak tak apalah. Bukan kerja. Suami kak boleh jaga rumah. Anak-anak kak dah besar panjang," jawab Mun.

"Kalian memang cari alasan. Bukan tak boleh telefon. Kan kak dah suruh telefon saja pejabat, katakan abang awak sakit kuat."

"Manalah kami tahu Abang Mat nak habis. Kalau buatnya tunggu sampai petang tak apa-apa, kan rugi satu hari," celah Mun lagi.

"Mun ada masalah lain yang belum selesai. Mun semalam kena jumpa peguam sebab ada kes peribadi. Takkan Mun nak cakap depan-depan orang!" jerit Mun yang mula emosi.

"Kalau ada hal peribadi, mengapa tak beritahu kak. Sebab itu kak kata kalian tidak indahkan kak lagi. Kalau kak tahu apa masalahnya, mungkin kak tak marah," sela Kak Pesah.

Apa sebenarnya berlaku? Aku menjadi bertambah hairan. Pertengkaran di antara Kak Pesah dengan Mun nampaknya sudah menjadi-jadi. Kak Pesah sudah mula mengungkit-ungkit dirinya terbiar sejak ayah mengahwini Mak dan sejak dia dan Abang Mat dihantar pulang ke Gombak oleh ayah.

Masa itu kami masih kacil. Manalah kami tahu apa masalahnya. Apa yang kami tahu cuma emak pernah beritahu suatu hari Kak Pesah dan Abang Mat bergaduh dan bising. Emak marahkan mereka. Kata emak walaupun kedua mereka anak tiri emak, tapi emak tak buat mereka seperti anak tiri. Emak cuba asuh seperti anak sendiri. Tapi mereka salah terima. Mereka mengadu pada ayah. Ayah naik marah dan suruh mereka kemas kain baju dan ikut ayah. Emak waktu itu cuba tahan ayah dan berkata kalau ayah hendak hantar mereka, hantar emak sama. Tapi ayah degil. Dia hantar juga Kak Pesah dan Abang Mat ke Kuala Lumpur, tinggal di rumah Pak Tua Man di Gombak.

"Kak tahu kesalahan orang saja. Kesalahan kak sendiri kak tak tahu. Apa sebab yang sebetulnya kak dihantar kepada Pak Tua?" tanya Mun.

"Kalian dengar cakap mak kalian tentulah yang baik-baik saja. Kalau nak tahu mengapa kak dan Amat kena hantar kepada Pak Tua, tanyalah kaum kerabat di Gombak tu. Dia orang yang tahu cerita sebenar," kata Kak Pesah lagi.

"Kak pendendam!" bentakku. Aku mula sedar apa yang terselindung di dalam hati Kak Pesah sekarang. Aku mula mahu menyerangnya berhabis-habisan.

"Tidak" kak tak dendam! Tidak ..."

Angka Giliran:.....

No. Tempat Duduk:.....

1. Terangkan maksud rangkai-rangkai kata yang diberi di bawah mengikut maksud cerpen di atas.
 - a. mengungkit-ungkit peristiwa lama.
 - b. kak yang membuang saudara.
 - c. perang dingin.
 - d. kaum kerabat.
 - e. Orang tua ibarat Quran buruk.

2. Jawab soalan-soalan berikut berpandukan petikan cerpen di atas.
 - a. Mengapakah dan bagaimanakah pertikaian itu boleh timbul?
 - b. Pada pendapat anda munasabahkah alasan-alasan yang diberikan oleh adik-adik Kak Pesah itu? Mengapa anda berpendapat demikian?
 - c. Apakah motif yang ingin disampaikan oleh penulis cerpen tersebut?
 - d. Apakah pengajaran yang anda perolehi daripada cerpen tersebut?
 - e. Cadangkan tajuk cerpen di atas dan berikan sebab anda mencadangkan tajuk itu.

3. Berdasarkan maklumat-maklumat di dalam cerpen di atas, isikan tempat-tempat kosong di dalam lampiran supaya ia lengkap.

BUTIRAN	BUTIRAN SELANJUTNYA
Kak Pesah	a. b. c. d. bukan seorang pendendam
Mun	a. b. c. d.
Persoalan yang dipertikaikan	a. b. c.

Angka Giliran:.....

No. Tempat Duduk:.....

II. BAHASA MELAYU KLASIK

(5 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang petikan tersebut menggunakan bahasa Malaysia baku.

Sebermula, maka tersebutlah kisah gergasi berdua laki bini itu. Telah sudah habis makan ia kedua pun berkhabarlah kepada Mak Andeh hendak balik ke rumahnya, lalu berjalanlah pulang keduanya. Tiada berapa lama antaranya sampailah ia ke rumahnya. Maka dilihatnya akan anaknya sudah mati, penuh di dalam mulutnya dengan nasi dan daging serta sekerat tulang kerbau tersengkang di mulutnya. Maka keduanya pun menangis terlalu amat akan anaknya itu. Maka keduanya pun berbangkit marah dengan berangnya seraya bertempik lalu mengambil tongkat turun berkejar menuju ke rumah Pak Pandir. Telah sampai dilihatnya pintu rumah itu terbuka, lalu dimasukinya ke dalam rumah itu mencari serata-rata rumah itu, tiada juga orangnya, lalu diturutnya jalan ke sungai. Telah tiba di tepi sungai itu, lalu kata Pak Pandir, "Jangan nenek ikut aku, nenek. Aku tahu anak nenek sudah mati. Bukan aku sengaja, oleh aku hendak segera pulang, maka aku asak dia dengan tulang kerbau itu."

Setelah didengar oleh gergasi keduanya, wah, apatah lagi. Makin bertambah-tambahlah berangnya seraya berkata, "Nantilah oleh kamu, aku makan dengan kulit tulang kamu sekali, tiada aku tinggalkan."

Maka gergasi itu pun hendak terjun ke dalam sungai. Kata Pak Pandir, "Jangan nenek hendak menyeberang ke sini. Pergilah ambil tempayan besar di rumah cucu itu sebiji seorang, boleh nenek buat perahu menyeberang ke mari."

(Petikan daripada "Cerita Jenaka")

...10 /-

Angka Giliran:.....

No. Tempat Duduk:.....

- Pak Dolah : Sabarlah, Embun, sabarlah. Dia ada harapan. Doakan sajalah dia.
- Embun : Hah? Abang Lekan ada harapan? Jadi, abang Lekan tak mati?
- Pak Dolah : Siapa kata, dia cuma pengsan. Nafasnya masih turun naik sewaktu Embi berjumpanya tadi, dan Lekan berjaya pula mengoyakkan perut buaya itu dengan belatinya.
- Embun : Pak Dolah! Bawalah aku berjumpa abang Lekan. Bawa aku sekarang juga.
- Pak Dollah : Sabarlah dulu, Embi sudah membawanya ke hospital. Kita tunggu Embi pulang. Kita tunggu berita daripadanya.

(6 markah)

ooo0ooo

